

08 SEP 1998

MUSTAPA-KEWANGAN/I

SAYA DIPILIH UNTUK MEMBANTU MENTERI KEWANGAN PERTAMA, KATA MUSTAPA

KUALA LUMPUR, 8 Sept (Bernama) -- Menteri Kewangan Kedua yang baru dilantik Datuk Mustapa Mohamed berkata tugasnya adalah untuk membantu Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga Menteri Kewangan Pertama.

"Saya bertuah mempunyai pembimbing. Kerja saya akan menjadi lebih mudah," katanya.

Mustapa berkata beliau kini akan menumpukan kepada tugas barunya dan mempelajari daripadanya, sambil menambah beliau menyedari "banyak perubahan yang berlaku dalam ekonomi negara."

Menteri Pembangunan Usahawan itu berkata demikian kepada pemberita selepas melancarkan restoran pizza, Beverlyhills Pizza di sini, hari ini.

Mustapa bukanlah muka baru di dalam Kementerian Kewangan. Beliau adalah Timbalan Menteri Kewangan pada 1994 sebelum dilantik sebagai Menteri Pembangunan Usahawan pada 1995.

Beliau memulakan kerjayanya di Perbendaharaan sebagai penolong setiausaha pada 1974, menyertai Institut Pentadbiran Awam Negara (INTAN) sebagai pensyarah enam tahun kemudiannya dan pada 1984 dipilih oleh Menteri Kewangan ketika itu, Tun Daim Zainuddin sebagai penolong khasnya.

Pada tahun yang sama, Mustapa menjadi setiausaha politik Daim dan pada Mac 1991 beliau dilantik sebagai senator dan kemudiannya setiausaha parlimen kepada Kementerian Kewangan.

Perlantikan Mustapa sebagai Menteri Kewangan Kedua diumumkan oleh Kementerian Kewangan semalam. Kementerian itu juga menyatakan Dr Mahathir adalah sebagai Menteri Kewangan Pertama. Perlantikan itu berkuatkuasa semalam.

Pertemuan pertama dengan pemberita selepas perlantikannya semalam, Mustapha berkata peranan utamanya adalah untuk membantu Dr Mahathir merangka Belanjawan 1999.

"Kita tahu Dr Mahathir bukan sahaja pakar dalam perkara-perkara kewangan tetapi juga dalam pelbagai bidang dan saya perlu membantunya," katanya.

"Tiada pemimpin di dunia ini yang berpengetahuan seperti Dr Mahathir dalam perkara-perkara berkaitan ekonomi dan kewangan."

Hari untuk pengumuman Belanjawan telah diputuskan tetapi Mustapha berkata beliau harus memastikan sama ada ia telah dimuktamadkan atau belum.

Beliau menyatakan kini akan menumpukan kepada tugas barunya sambil menambah beliau menyedari banyak perubahan yang berlaku dalam ekonomi negara.

"Banyak perkara yang perlu saya belajar, saya mula belajar sejak semalam dan akan terus belajar dalam tempoh beberapa minggu yang akan datang."

"Sememangnya, saya perlu belajar dengan pantas kerana perkara-perkara bergerak dengan begitu pantas, jika saya tidak dapat mengejarnya sudah pasti sukar bagi saya untuk menguruskannya," kata Mustapha.

"Oleh itu, beberapa minggu yang akan datang ini ditumpukan kepada waktu untuk belajar, mengajar dan meningkatkan pemahaman saya terhadap apa yang berlaku dalam ekonomi."

"Saya juga akan melepaskan beberapa komitmen luaran dalam Kementerian Pembangunan Usahawan," katanya.

Kami boleh mewakili beberapa tugas dalam kementerian tetapi sesetengahnya tidak boleh. Saya telah berbincang dengan timbalan saya dan

pegawai-pegawai kementerian dan meminta mereka meneruskan dengan tugas yang boleh diuruskan oleh mereka," katanya.

"Kini, saya harus memperlahankan sedikit kegiatan saya dalam Kementerian Pembangunan Usahawan," katanya.

Apabila diminta mengulas penurunan garis panduan pemberian pinjaman bagi pembelian hartanah di bawah harga RM250,000 serta pengurangan dalam Keperluan Rizab Berkanun (SRR) kepada 4.0 peratus daripada 6.0 peratus, beliau berkata:

"Saya masih baru dan tidak berada di kedudukan untuk membuat ulasan."

Bagaimanapun, ia adalah hakikat yang nyata bahawa kerajaan telah memutuskan untuk melonggarkan dasar kewangan dan merangsangkan kegiatan ekonomi serta membuat banyak pengumuman bagi meningkatkan perbelanjaan dan memulihkan semula projek yang ditangguh sebelum ini.

"Isyarat telah diberikan, tiada yang baru dalam langkah-langkah itu," katanya.

-- BERNAMA

ZMY ZK MA